


[Laman Berita](#)
[Info Kampung](#)
[Biodata Ketua Kampung](#)
[Ahli JKKK](#)
[سوراء المنصورية](#)

#### Biro-Biro

- [Biro Agama & Kebajikan](#)
- [Biro Sosial & Kebudayaan](#)
- [Biro Hal Ehwal Wanita](#)
- [Biro Teknologi Maklumat & Komunikasi \(ICT\)](#)
- [Biro Ekonomi](#)
- [Biro Keselamatan](#)
- [Biro Belia, Sukan Dan Rekreasi](#)
- [Biro Pendidikan & Pembangunan Sumber Manusia](#)

#### Jumlah Pengunjung

4 4 9 5

#### Arkib Blog

▼ [2016](#) (9)

► [September](#) (1)

▼ [Mei](#) (3)

[Banjir Kilat Dan Ziarah Mangsa Banjir](#)

[Futsal Antara kampung2 Tradisi Mukim Semenyih](#)

["Yellow Machang" Tidak Mahu Mengalah.](#)

► [April](#) (3)

► [Januari](#) (2)

► [2015](#) (16)

Isnin, 16 Mei 2016

## Banjir Kilat Dan Ziarah Mangsa Banjir

**Sabtu, 7 Mei 2016** - Hujan yang mula turun sekitar jam 5.00 petang dan bertukar menjadi lebat sekitar jam 6.00 petang hingga 8.00 malam telah mengakibatkan lebih kurang 26 buah rumah didalam Kampung Sungai Machang dimasuki air. Keadaan ini diburukkan lagi oleh beberapa lokasi laluan air ke sungai Semenyih yang sempit.

Air di sungai Pagok dihilir kampung telah melimpah keluar ke jalan utama kampung dan menyebabkan kesesakan lalu lintas. dari jam 6.30 petang hingga 8.00 malam. Air yang melimpah ini juga telah melalui dan membanjiri 5 buah rumah sebelum ia surut ke sungai. *(dibawah video yang sempat dirakam oleh admin di sungai Pagok)*

Manakala, disebelah tengah kampung air yang turun dari tapak projek Sunway Semenyih telah membanjiri 3 buah rumah dimana rumah mereka berada dilaluan air yang turun.



Disebelah hulu kampung pula banjir telah melibatkan hampir 18 buah rumah dimana laluan keluar air ke sungai Semenyih yang sempit dan sungai serta parit yang ada tidak dapat menampung air yang turun dari belakang kampung yang merupakan kawasan bukit. Dikawasan ini banjir mula surut sekitar jam 10.00 malam.

Demi Masa

Menghitung Hari

Banjir ini telah mengakibatkan kerosakan kepada harta benda beberapa buah rumah yang terlibat. Alhamdulillah bencana ini tidak melibatkan kemalangan jiwa.



Lanjutan daripada musibah ini pada 15 Mei 2016, Ketua Kampung Tuan Haji Bakhtar serta ahli JKKK Kampung Sungai Machang dan beberapa penduduk telah mengadakan satu program lawatan serta menyampaikan sedikit sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Turut bersama didalam program ini ialah **Ahli Parlimen Hulu Langat YB Dr. Che Rosli Che Mat** yang telah sudi menyampaikan sumbangan kepada mangsa dan membuat tinjauan ke beberapa lokasi yang menjadi penyebab kepada musibah banjir ini. Turut hadir dalam program ini ialah Tuan Haji Arif Bujang mantan Ketua Kampung Pasir Baru.

Gambar beberapa rumah dan lokasi yang terlibat :-









Dicatat oleh [Unknown](#) di 12:17.PG

Tiada ulasan:

Catat Komen

Masukkan ulasan anda...



Komen sebagai: Syahrul Sazli S ▾

Log keluar

Terbitkan

Pratonton

☐ Beritahu saya

[Catatan Terbaru](#)

[Laman Utama](#)

[Catatan Lama](#)

